

Pengetahuan Guru dan Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan Murid di Sekolah Menengah di Malaysia

Razemah Kamaruddin¹, Norasmah Othman²

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: hamezarazali@gmail.com

² *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: lin@ukm.edu.my

Abstrak

Bidang perniagaan penting terhadap pembangunan ekonomi negara. Justeru, demi melahirkan lebih ramai usahawan menerusi bidang ini, maka pencapaian murid dalam subjek Perniagaan perlu diberi perhatian. Faktor guru amat signifikan dengan pencapaian murid kerana mampu mempengaruhi kefahaman murid. Oleh itu, wujud keperluan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru dari sudut penguasaan isi kandungan dan pedagogi. Sejumlah 322 responden dipilih secara rawak mudah dalam kajian ini. Instrumen kajian melibatkan soal selidik yang diedar secara atas talian serta analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru berada pada tahap tinggi. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa guru mempunyai pengetahuan yang baik terhadap isi kandungan subjek dan pedagogi. Sementara tahap pencapaian prestasi murid pula berada di tahap cemerlang bagi domain afektif manakala kepujian bagi domain kognitif dan psikomotor. Implikasi serta cadangan bagi kajian akan datang turut dibincangkan berdasarkan analisis dapatan kajian.

Kata Kunci: *Pengetahuan Guru, Pencapaian Prestasi Subjek, Model Kompetensi Iceberg, Murid Sekolah Menengah*

I. PENGENALAN

Era globalisasi meletakkan dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah di bidang pendidikan. Pelaburan besar dilakukan oleh pihak kerajaan di kebanyakan negara demi membangunkan sistem pendidikan pada tahap yang lebih baik (Hien, 2018) [28]. Malaysia merupakan antara negara yang membuat pelaburan yang tinggi dalam sektor pendidikan dengan membelanjakan sebanyak 16% (lebih tinggi daripada OECD) daripada perbelanjaan kerajaan bagi sektor pendidikan. Perbelanjaan ini setara atau lebih tinggi daripada sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025) [32]. Hal ini menjelaskan bahawa sektor pendidikan penting dalam pembangunan sesebuah negara bagi melahirkan tenaga kerja profesional dalam pelbagai sektor (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8]. Justeru, sistem pendidikan perlu sentiasa ditambah baik agar modal insan yang dihasilkan berkualiti serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Unit Perancang Ekonomi, 2021) [60].

Sistem pendidikan meletakkan objektif asas untuk memastikan setiap murid mendapat akses ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi mencapai

kejayaan dalam hidup. Sistem pendidikan global kini tidak lagi hanya memberi penekanan kepada

pembangunan kandungan pengetahuan yang kukuh menerusi subjek teras seperti Sains, Matematik dan bahasa malah turut membangun kemahiran berfikir aras tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025) [32]. Namun, laporan pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment (PISA)* dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* menunjukkan prestasi murid di Malaysia berada di bawah purata antarabangsa bagi subjek Matematik dan Sains. Pencapaian ini meletakkan Malaysia di bawah pencapaian purata antarabangsa dan OECD berbanding negara Asia lain seperti Singapura, Hong Kong, Shang Hai dan Korea Selatan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025) [32]. United Kingdom (UK), United States (US), Jerman dan Australia pula merupakan antara negara yang menduduki tangga teratas dalam pencapaian PISA. Sistem pendidikan di UK diiktiraf kerana negara ini mencatatkan tahap pengangguran yang rendah (Syarif & Heri, 2021) [57].

Proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) seharusnya melibatkan hubungan dua hala antara guru dan murid. Pengajaran adalah proses menyampaikan ilmu pengetahuan daripada guru kepada murid (Filgona, Sakiyo & Gwany, 2020) [22]. Justeru, peranan guru sebagai pembimbing murid dalam konteks p&p dilihat amat mempengaruhi persekitaran pembelajaran di bilik darjah (Doreen & Shahlan, 2021) [18]. Kecekapan guru dinilai oleh murid melalui cara guru mengajar serta bahan atau media yang digunakan sewaktu pengajaran. Prestasi seorang guru penting kerana mampu menjejaskan pencapaian murid di sekolah (Nur Aeni & Supadi, 2020) [49]. Rentetan itu, guru perlu memastikan bahawa kaedah pembelajaran serta pendekatan pengajaran yang digunakan adalah bertepatan bagi memastikan hasil pembelajaran maksima diperolehi murid.

Guru yang professional memerlukan asas pengetahuan tertentu untuk mengajar seperti sumber pengetahuan, bagaimana sumber tersebut dapat difahami serta implikasi terhadap pengajaran yang dilaksanakan (Nelson, 2016) [45]. Secara amnya, proses penyampaian ilmu tersebut dapat membawa perubahan dalam sistem pendidikan sesebuah negara (Shulman, 1987) [58]. Proses pengajaran seharusnya bermula dari kefahaman guru ke atas apa yang telah dipelajarinya dan cara kefahaman yang dimiliki pula diajarkan kepada muridnya. Proses ini berakhir dengan kefahaman baru yang diperolehi oleh guru dan murid. Terdapat tujuh asas pengetahuan yang digariskan oleh Shulman (1987) [58] iaitu pengetahuan kandungan, pedagogi am, kurikulum, pedagogikal kandungan, tentang murid, konteks pendidikan (mikro dan makro) dan matlamat akhir pendidikan. Standard Guru Malaysia (2009) [9] juga menekankan asas yang sama bahawa ciri kompetensi professional yang perlu dicapai oleh guru adalah memiliki pengetahuan dan kefahaman.

Sejak akhir-akhir ini aliran teknik dan vokasional (TVET) mengalami perkembangan serta pertumbuhan pesat di Malaysia. Pertumbuhan ini didorong oleh keperluan industri dan permintaan pasaran terhadap pekerja mahir dalam sektor pekerjaan (Subramaniam et al., 2020) [36]. Pekerja mahir bukan sahaja diperlukan dalam industri perkhidmatan dan pembuatan malah tidak terkecuali di bidang perniagaan dan keusahawanan. Aktiviti perniagaan penting kerana menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan membuka peluang pekerjaan sekaligus meningkatkan pendapatan individu (Chitra et al., 2022) [54]. Kepentingan terhadap aktiviti perniagaan ini telah mendorong pihak kerajaan membangunkan kurikulum subjek Perniagaan bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8].

Perniagaan merupakan bidang pengajian yang berkaitan dengan prinsip perniagaan, pengurusan dan ekonomi. Konsep pengajian bidang ini menggabungkan elemen perakaunan, kewangan, pemasaran, pengurusan sumber manusia dan operasi. Antara negara yang menawarkan subjek ini termasuklah United Kingdom, Korea Selatan, Singapura dan Indonesia (Wikipedia, 2022). Di Malaysia, subjek Perniagaan ditawarkan di bawah TVET. Subjek ini memberi fokus kepada pentaksiran berasaskan kompetensi serta merujuk kepada standard industri, badan professional, badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8]. Penawaran subjek ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam menyediakan modal insan yang holistik, kritis, kreatif serta inovatif bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan perkembangan teknologi ke arah mencapai matlamat negara maju (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8]. Malah dengan penawaran subjek ini, diharap Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 juga akan dapat direalisasikan (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2019) [31].

Namun, subjek Perniagaan sering menunjukkan pencapaian peratus lulus yang rendah berbanding subjek lain di sekolah (Chitra et. al, 2022) [54]. Masalah ini secara tidak langsung akan menjejaskan atau memperlambatkan pencapaian matlamat KPM dan negara yang dicitracan dalam WKB 2030. Peluang murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan akan berkurangan rentetan standard yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) bagi tujuan menyambung pengajian tidak dipenuhi

Amalan pendekatan kreatif perlu dipraktikkan guru dalam pendidikan subjek Perniagaan supaya bermanfaat kepada murid dan komuniti (Chitra et. al, 2022) [54]. Namun, guru dilihat kurang kompeten dalam mengamalkan pengajaran kreatif. Gaya pengajaran guru yang tidak kreatif menjadikan murid cepat bosan sekaligus mempengaruhi pencapaian prestasi akademik yang cemerlang (Toresingam et al., 2019, Nora'ini & Nor Aishah, 2019) [59]. Corak pengajaran guru yang bersifat konvensional hanya menyumbang kepada sikap negatif murid terhadap sesi pembelajaran, khususnya dalam pembelajaran subjek Perniagaan (Mohammad Zhafri, 2020) [43].

Walaupun pelbagai strategi serta teknik pengajaran berkesan telah diperkenalkan, namun masih terdapat guru yang kurang menguasai isi kandungan mata pelajaran serta belum memahami hala tuju, matlamat dan fokus dalam subjek yang diajar (Catherine & Sabariah, 2019) [14]. Tahap pengetahuan pedagogi serta Kemahiran Berfikir

Aras Tinggi (KBAT) guru juga dilihat masih berada pada tahap sederhana dan rendah (Hazram & Nurulain, 2020) [25]. Keadaan diburukkan lagi apabila terdapat sebilangan guru yang masih belum menguasai kandungan PAK 21 (Bernard, Supiah & Maslinda 2021) [11]. Kesan dari isu dan permasalahan tersebut, secara tidak langsung ia turut mengganggu Tahap Penguasaan (TP) kognitif murid pada tahap tinggi yang melibatkan aras pemikiran KBAT seperti yang termaktub dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) MPEI Perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8].

Isu yang lebih membimbangkan lagi apabila subjek Perniagaan diajar oleh guru yang bukan opsyen. Guru bukan opsyen sering berhadapan dengan masalah penguasaan isi kandungan subjek yang diajar (Aini & Zanaton 2018) [5]. Masalah tersebut mengakibatkan guru mengalami kesukaran dalam mengenal pasti dan mempelbagaikan pendekatan serta teknik pengajaran yang bersesuaian dengan subjek yang diajar (Kam, Chan, Hin & Yung, 2018) [29]. Pengetahuan yang terbatas berkaitan isi kandungan subjek yang perlu diajar serta tidak memiliki kepakaran untuk mengajar subjek tersebut menyebabkan proses p&p terganggu dan akhirnya memberi kesan terhadap pencapaian murid.

Isu-isu yang ditimbulkan telah mewujudkan jurang di antara peranan guru yang berkesan dengan prestasi pencapaian subjek Perniagaan murid yang rendah. Justeru, wujud satu keperluan untuk kajian dilakukan bagi: 1. mengenal pasti tahap pengetahuan guru MPEI Perniagaan; dan 2. tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah.

II. KAJIAN LITERATUR

A. Pengetahuan Guru

Pengetahuan penting dalam melaksanakan sesuatu perkara dengan sempurna. Penguasaan kandungan *content knowledge* ditakrifkan sebagai pengetahuan kandungan mata pelajaran *subject matter content knowledge* yang seharusnya dimiliki oleh setiap guru mengikut bidang masing-masing (Muhammad Hafizan & Anuar, 2017) [44]. Shulman (1987) [58] menekankan bahawa guru subjek seharusnya memiliki pengetahuan isi kandungan bagi subjek yang diajar. Penguasaan terhadap isi kandungan menjadi asas penting yang perlu diberi perhatian oleh guru. Sesi p&p menjadi tidak bermakna sekiranya guru hanya mahir dari sudut kaedah dan strategi pengajaran namun tidak faham tentang isi kandungan subjek yang diajar. Peranan guru adalah untuk menyampaikan ilmu kepada murid (Rosnani, 2021) [56]. Justeru, guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, pengalaman dan latihan yang mantap agar ilmu yang disampaikan adalah

sahih dan mengikut ketetapan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Kefahaman yang tinggi tentang kandungan menjadikan guru lebih yakin untuk memilih strategi pengajaran terbaik supaya murid mudah faham. Kajian lepas ada menyatakan bahawa pengetahuan guru berkaitan subjek memberi kesan yang besar terhadap pencapaian murid.

Penguasaan pedagogi juga penting dalam pengajaran guru (Rosnani, 2021) [56]. Guru lepasan institusi pendidikan seharusnya telah menguasai pengetahuan pedagogi ini (Khairunnisa & Anuar, 2016) [33]. Namun begitu, guru perlu sentiasa melakukan transformasi dalam sesi p&p mengikut peredaran masa. Guru yang lemah dalam pedagogi cenderung untuk melaksanakan sesi p&p secara tradisional serta berpusatkan guru. Kaedah ini dilihat bertentangan dengan hasrat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menekankan strategi pengajaran berpusatkan murid. Sesi p&p berpusatkan guru hanya melambatkan perkembangan potensi murid dalam proses pembelajaran (Mechellino et al. 2021) [41]. KSSM yang baru diperkenalkan amat sesuai dijadikan sumber rujukan guru dalam mempelbagaikan strategi serta kaedah p&p yang berpusatkan murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) [8].

Secara dasarnya, pengetahuan asas sangat penting dikuasai oleh individu sebelum individu tersebut memperoleh pengetahuan mengenai cara untuk mengajarkan ilmu tersebut kepada orang lain (Shulman, 1987) [58]. Justeru, seorang guru dan bakal guru perlu menguasai pengetahuan isi pedagogi kandungan. Pengetahuan akan mempengaruhi kebolehan guru dalam menerajui sesi p&p. Sesi p&p yang lancar dan berkesan hanya dapat dilaksanakan oleh guru yang memiliki tahap pengetahuan kandungan dan pedagogi yang tinggi dalam mata pelajaran yang diajar. Hasilnya adalah murid faham akan konsep yang diajar oleh guru tersebut. Guru juga seharusnya meningkatkan pengetahuan berkaitan isi kandungan kurikulum subjek yang diajar serta pendekatan, teknik dan kaedah p&p yang sesuai agar mutu pengajaran dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan (Mazarul et al., 2020) [40].

B. Pencapaian Prestasi Subjek

Pencapaian akademik murid diukur berdasarkan tahap penguasaan mereka dalam sesuatu subjek yang dipelajari (Nirmala, Yoyon & Marinda, 2021) [46]. Secara dasarnya, pencapaian prestasi subjek boleh diukur melalui domain kognitif, afektif dan psikomotor (Agus 2018) [2]. Murid akan diuji melalui peperiksaan, ujian, kuiz dan pentaksiran bilik darjah/ sekolah (Bhutali et al. 2020) [12]. Kajian Wan Suhaidashima (2019) [61]

menunjukkan bahawa pencapaian subjek Perniagaan berada pada tahap sederhana tinggi. Pencapaian murid bergantung kepada tahap kompetensi yang dimiliki oleh seorang guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Misalnya, guru yang mahir menggunakan pembelajaran interaktif akan dapat membantu murid menguasai tajuk yang diajar dengan lebih cepat dan berkesan (Mechellino, Nurfaradilla & Zamri 2021) [41]. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) juga amat digalakkan sewaktu menyampaikan isi pelajaran yang diajar (Raja Yong Zaharah, Anuar & Norasmah 2021) [55].

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa murid subjek Perniagaan masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran yang terkandung dalam elemen pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) (Noorul Jannah et al., 2019) [47]. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa murid jurusan perniagaan masih belum menguasai enam aras pemikiran (kognitif) serta belum mampu mengaplikasi teori yang dipelajari melalui tindakan (psikomotor). Justeru, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya murid lebih berminat untuk belajar. Pelbagai inovasi menerusi sesi p&p perlu dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membantu guru mengajar dengan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan aras pemikiran murid kepada tahap lebih tinggi.

Kajian lain yang dijalankan turut menyatakan bahawa murid lebih berminat mempelajari subjek Perniagaan sekiranya guru mempraktikkan sesi p&p berpusatkan murid seperti pembelajaran kolaboratif. Kaedah pembelajaran sendiri seperti kolaboratif, masteri, berasaskan masalah merupakan kaedah pembelajaran abad ke-21 yang amat disarankan untuk diaplikasi oleh guru di bilik darjah. Murid dilihat lebih mendominasi sesi p&p berbanding guru dan berfikir lebih terbuka dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Nur Adila Diyana & Shahlan 2021) [48]. Dalam kajian Ahmad Fauzi et al., (2018) [3] menyatakan bahawa secara dasarnya maklum balas positif dan aktif murid memberi petunjuk kepada pencapaian prestasi murid dalam subjek yang dipelajari.


Pencapaian murid bergantung kepada prestasi guru (Nur Aeni & Supadi 2020) [49]. Guru yang berkemampuan tinggi mampu mencipta kecemerlangan murid seperti yang dihasratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Rentetan itu, salah satu aspek kompetensi yang diperlukan adalah pengetahuan asas berkaitan dengan isi kandungan subjek yang diajar dan pengetahuan pedagogi (Shulman, 1987) [58]. Guru yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dapat menyampaikan ilmu dengan berkesan sehingga murid faham apa yang

diajar. Hal ini akan menyumbang kepada prestasi yang baik dalam subjek Perniagaan.

Misalnya, guru yang mahir menggunakan pembelajaran interaktif akan dapat membantu murid menguasai tajuk yang diajar dengan lebih cepat dan berkesan (Mechellino, Nurfaradilla & Zamri 2021) [39]. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) juga amat digalakkan sewaktu menyampaikan isi pelajaran yang diajar (Raja Yong Zaharah, Anuar & Norasmah 2021) [55].

C. Model Kompetensi *Iceberg*

Kajian ini merujuk kepada teori Spencer dan Spencer (1993) yang menggunakan model Iceberg. Model ini dirujuk kerana sangat berkait dengan pemboleh ubah kajian iaitu kompetensi guru. Model Kompetensi Iceberg menjelaskan secara terperinci tentang kompetensi yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Ketiga-tiga elemen utama ini selari dengan komponen yang ditetapkan untuk kompetensi Standard Guru Malaysia. Menurut model ini, pengetahuan dan kemahiran merupakan komponen kompetensi yang mudah dilihat dan dikenal pasti manakala ciri-ciri peribadi merupakan komponen yang sukar untuk dilihat dan dikenal pasti dalam diri seseorang (Fathizaki & Norasmah 2021) [20].



Sumber: McBer (1996)

Manifestasi prestasi seorang pegawai perkhidmatan awam dalam meningkatkan lagi kompetensi diri yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab khususnya kepada guru di sekolah adalah berasaskan kepada model kompetensi ini. Model kompetensi ini juga amat sesuai dijadikan panduan oleh guru dan bakal guru bagi mendorong mereka menjadi seorang guru yang berkemampuan tinggi. Pengajaran yang berkualiti hanya dapat dihasilkan melalui seorang guru yang memiliki kompetensi mudah dilihat dan kompetensi terlindung (Spencer, 1993). Justeru, seorang guru perlu sentiasa melakukan transformasi dari semasa ke semasa mengikut keperluan agar pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki memberi manfaat kepada murid.

III. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Populasi kajian terdiri daripada 2,323 orang murid yang mendaftar subjek Perniagaan di daerah Kinta Utara, Perak (JPN, 2022). Pemilihan responden adalah selari dengan pernyataan masalah kajian yang menunjukkan prestasi pencapaian subjek Perniagaan yang kurang memberangsangkan dari segi kualiti bagi tiga tahun berturut-turut. Sampel rawak mudah digunakan dengan saiz sampel yang ditentukan seramai 322 orang. Penentuan saiz sampel berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Cohen et al. (2001) [16].

Kutipan data dilakukan melalui edaran soal selidik secara *google form* kepada responden yang dipilih. Soal selidik yang dibangunkan mengandungi tiga bahagian yang melibatkan Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Soalan Bahagian A merangkumi demografi responden manakala Bahagian B pula mengukur tahap pengetahuan guru subjek Perniagaan. Kesemua soalan diadaptasi serta diubahsuai berdasarkan kajian Nurul Hidayah (2021) [51], Rosnani (2021) [56], Fathizaki (2021) [20] dan Nelson (2016) [45]. Bagi soalan Bahagian B, terdapat 20 item yang diuji berpandukan pilihan jawapan lima skala likert iaitu sangat setuju (SS), setuju (S), kurang setuju (KS), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS). Soalan Bahagian C pula merujuk kepada ujian pencapaian murid berdasarkan kandungan kurikulum subjek Perniagaan tingkatan 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016) [8].

Kesahan dan kebolehpercayaan perlu dianalisis untuk mengukur sejauh mana instrumen tersebut mampu mengukur apa yang sepatutnya diukur (Nurul Hidayah, 2021) [51]. Setiap item yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Proses kesahan merupakan kemampuan instrumen kajian dalam mengukur sesuatu (Chai, Siew & Lee 2021) [15]. Proses kebolehpercayaan pula adalah untuk menguji ketepatan dan ketekalan ukuran yang mana ia dapat menunjukkan sama ada instrumen memberikan hasil yang sama setiap kali digunakan (Amran, Shazlin & Chang 2021) [6]. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan khidmat tiga orang pakar yang terdiri daripada pensyarah kanan universiti yang berpengalaman dalam bidang pendidikan perniagaan dan keusahawanan bagi membuat pengesahan kandungan soal selidik. Pengkaji juga menggunakan indeks kesahan kandungan (CVI) bagi membuat keputusan mengekalkan semua item pengetahuan atau sebaliknya. Nilai CVI yang melebihi 0.80 adalah layak untuk diterima (Lily et al., 2018) [38]. Kesemua item di Bahagian B yang diuji menunjukkan nilai 0.80 sekaligus menunjukkan

bahawa item-item tersebut boleh dikekalkan. Proses seterusnya adalah melaksanakan kajian rintis menerusi 30 orang responden yang memiliki ciri yang sama dengan responden sebenar. Menurut Fauziah et al., (2020) [21] bilangan responden yang sesuai untuk diuji dalam kajian rintis adalah sekitar 30 hingga 60 orang.

Data yang diperoleh melalui kajian rintis dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26. Nilai kebolehpercayaan bagi item pengetahuan guru menunjukkan nilai Cronbach's alpha 0.950 (Jadual 1). Cronbach's alpha yang mempunyai nilai antara sifar hingga satu mempunyai ukuran nilai kebolehpercayaan (Nurul Hidayah, 2021) [51]. Manakala nilai kebolehpercayaan melebihi 0.70 adalah layak untuk diguna pakai (Kline, 2011) [34]. Justeru, kesemua item di Bahagian B adalah boleh digunakan. Item-item di Bahagian C akan diuji berdasarkan indeks kesukaran (IK) dan indeks diskriminasi (ID). IK merujuk kepada bilangan murid yang menjawab betul bagi sesuatu item manakala ID merupakan perbandingan antara pencapaian tertinggi dengan pencapaian terendah murid sewaktu menjawab soalan di bahagian tersebut (Ayu, 2020) [7]. Jadual 2 menunjukkan interpretasi IK yang digunakan. Dapatan menunjukkan item berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa kesemua item yang digunakan boleh diterima. Bagi ID, hanya satu item berada pada tahap sangat baik, sejumlah 15 item berada pada tahap baik manakala enam item berada di tahap sederhana baik. Berdasarkan Jadual 3, kesemua item di bahagian C boleh dikekalkan.

Jadual 1: Kebolehpercayaan Pengetahuan Guru

Tahap Pengetahuan dalam Kompetensi Guru MPEI Perniagaan	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Pengetahuan isi kandungan	0.932	11
Pengetahuan pedagogi	0.888	9
Keseluruhan pengetahuan	0.950	20

Jadual 2: Interpretasi Indeks Kesukaran

IK	Pentaksiran Item	Keputusan
< 0.30	Terlalu sukar	Ubahsuai Soalan
0.31- 0.80	Sederhana	Terima Soalan
0.81>	Mudah	Ubahsuai Soalan

Sumber: Chitra & Norasmah (2022)

Jadual 3: Aras Indeks Diskriminasi dan Pengkelasan Item

ID	Pengkelasan
0.0 - 0.10	Tidak baik
0.11 - 0.20	Kurang baik
0.21 - 0.30	Sederhana baik
0.31 - 0.40	Baik
0.41 - 1.00	Sangat baik

Data bahagian A dan B turut dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26. Analisis data deskriptif diguna pakai bagi kedua-dua bahagian ini berbentuk frekuensi dan peratus. Interpretasi min seperti Jadual 4 digunakan untuk bahagian A dan B. Manakala bagi bahagian C, tahap pencapaian responden ditentukan berdasarkan kategori dengan merujuk skor yang diperoleh oleh responden seperti Jadual 5.

Jadual 4: Interpretasi Min

Skop Purata Min	Tafsiran
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 - 2.69	Rendah
2.70 - 3.49	Sederhana
3.51 - 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Nurul Hidayah & Norasmah (2021)

Jadual 5: Skor dan Tahap Pencapaian Prestasi

Skor	Tahap
70 hingga 100	Cemerlang
50 hingga 69	Kepujian
40 hingga 49	Lulus
0 hingga 39	Gagal

IV. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sampel kajian ini terdiri daripada guru MPEI Perniagaan di sekolah menengah di daerah Kinta Utara, Perak. Dapatan kajian adalah seperti berikut;

Soalan Kajian Pertama: Mengenal pasti Tahap Pengetahuan Guru MPEI Perniagaan

Jadual 7 dan Jadual 8 menunjukkan tahap pengetahuan guru MPEI Perniagaan yang diukur oleh dua sub-dimensi iaitu pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor persepsi responden terhadap tahap pengetahuan guru MPEI Perniagaan (min = 4.20, SP = 0.492) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Pengetahuan Isi Kandungan

No	Item	STS	TS	KS	S	SS
		n %	n %	n %	n %	n %

B1_1	Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan bidang Perniagaan.	1 (0.3)	1 (0.3)	18 (5.6)	113 (35.1)	189 (58.7)
B1_2	Guru saya sering memberikan situasi semasa dalam bidang perniagaan yang berkaitan topik diajar sebelum memulakan sesi pembelajaran.	2 (0.6)	6 (1.9)	37 (11.5)	133 (41.3)	144 (44.7)
B1_3	Guru saya mempunyai kefahaman yang baik mengenai standard kandungan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Perniagaan.	0 (0.0)	3 (0.9)	20 (6.2)	151 (46.9)	148 (46.0)
B1_4	Guru saya mempunyai kefahaman yang baik mengenai standard pembelajaran MPEI Perniagaan.	0 (0.0)	3 (0.9)	15 (4.7)	149 (46.3)	155 (48.1)
B1_5	Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam menjelaskan konsep penting yang terkandung dalam standard pembelajaran MPEI Perniagaan.	1 (0.3)	4 (1.2)	23 (7.1)	144 (44.7)	150 (46.6)
B1_6	Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam menjelaskan istilah penting yang terkandung dalam MPEI Perniagaan seperti pasaran, modal, risiko dan modal.	2 (0.6)	4 (1.2)	22 (6.8)	118 (36.6)	176 (54.7)
B1_7	Guru saya mampu membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang standard pembelajaran yang akan diajar dengan pemberian contoh-contoh yang berkaitan.	0 (0.0)	1 (0.3)	23 (7.1)	136 (42.2)	162 (50.3)
B1_8	Guru saya berpengetahuan membincangkan nilai keusahawanan yang perlu diterapkan kepada murid mengikut Dokumen Standard	1 (0.3)	5 (1.6)	42 (13.0)	156 (48.4)	118 (36.6)

	Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) MPEI Perniagaan.					
B1_9	Guru dapat memberikan contoh nilai keusahawanan yang berkaitan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) dilaksanakan.	0 (0.0)	6 (1.9)	25 (7.8)	143 (44.4)	148 (46.0)
B1_10	Guru saya mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap kurikulum (DSKP) MPEI Perniagaan.	0 (0.0)	2 (0.6)	44 (13.7)	164 (50.9)	112 (34.8)
B1_11	Guru menguasai konsep kemahiran pemikiran keusahawanan dalam menjelaskan standard pembelajaran yang diajar (Contohnya guru akan memberikan situasi dalam membezakan konsep visi dan misi sesebuah firma perniagaan).	0 (0.0)	2 (0.6)	13 (4.0)	127 (39.4)	180 (55.9)
Purata Min		= 4.37				
Sisihan Piawai		= 0.485				
Tahap		= Sangat Tinggi				

Berdasarkan kepada Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor pengetahuan isi kandungan (min = 4.37, SP = 0.485) adalah berada pada tahap yang sangat tinggi. Lebih daripada 80% responden bersetuju dengan semua pernyataan yang diberikan. Item 1 iaitu “Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan bidang Perniagaan.” mencatatkan peratusan tertinggi (93.8%) bersetuju dengan pernyataan ini manakala item 8 iaitu “Guru saya berpengetahuan membincangkan nilai keusahawanan yang perlu diterapkan kepada murid mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) MPEI Perniagaan.” merekodkan peratusan terendah (85%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan membuktikan bahawa guru memiliki pengetahuan yang baik terhadap isi kandungan MPEI Perniagaan namun kurang menonjol dalam menerapkan nilai keusahawanan kepada murid seperti yang terkandung dalam DSKP.

Jadual 8: Pengetahuan Pedagogi

No	Item	STS	TS	KS	S	SS
		n %	n %	n %	n %	n %

B2_12	Guru saya sering mengendalikan aktiviti kerja berkumpulan untuk memberi peluang kepada murid berinteraksi di bilik darjah.	5 (1.6)	23 (7.1)	46 (14.3)	115 (35.7)	133 (41.3)
B2_13	Kebijaksanaan guru menyampaikan pengajaran menggunakan intonasi suara yang berkesan dapat menarik perhatian saya mempelajari MPEI Perniagaan.	1 (0.3)	8 (2.5)	39 (12.1)	121 (37.6)	153 (47.5)
B2_14	Guru saya mempunyai pengetahuan dalam merancang pengajaran yang mencabar minda saya dengan memberikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui aktiviti latihan tubi di bilik darjah.	3 (0.9)	3 (0.9)	39 (12.1)	145 (45.0)	132 (41.0)
B2_15	Guru saya sering menggunakan teknologi dalam pengajaran untuk memudahkan penguasaan fakta penting dalam MPEI Perniagaan.	17 (5.3)	36 (11.2)	81 (25.2)	121 (37.6)	67 (20.8)
B2_16	Guru saya kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti melaksanakan pembelajaran kolaboratif bagi membantu murid lebih mudah faham isi pembelajaran yang diajar.	2 (0.6)	9 (2.8)	59 (18.3)	138 (42.9)	114 (35.4)
B2_17	Guru sering menggalakkan murid untuk menjawab latihan tubi bagi meningkatkan pengetahuan terhadap isi kandungan	3 (0.9)	2 (0.6)	31 (9.6)	134 (41.6)	152 (47.2)

	MPEI Perniagaan yang diajar.					
B2_18	Guru sering memberikan pujian kepada murid yang menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran sehingga mendorong semangat saya untuk skor dalam MPEI Perniagaan.	5 (1.6)	13 (4.0)	41 (12.7)	107 (33.2)	156 (48.4)
B2_19	Guru suka melakukan pembaharuan terhadap susun atur perabot di bilik darjah antaranya seperti kerusi dan meja bagi mewujudkan suasana Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21).	41 (12.7)	46 (14.3)	95 (29.5)	89 (27.6)	51 (15.8)
B2_20	Guru berjaya mengawal aktiviti murid sepanjang sesi p&p sehingga berjaya mencapai objektif pembelajaran yang dirancang.	1 (0.3)	10 (3.1)	45 (14.0)	148 (46.0)	118 (36.6)
		Purata Min = 4.02				
		Sisihan Piawai = 0.603				
		Tahap = Tinggi				

Skor pengetahuan pedagogi guru (min = 4.02, SP = 0.603) pula berada pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan Jadual 8. Peratusan tertinggi (88.8%) direkodkan bagi item 17 iaitu "Guru sering menggalakkan murid untuk menjawab latih tubi bagi meningkatkan pengetahuan terhadap isi kandungan MPEI Perniagaan yang diajar." Peratusan terendah (43.4%) pula dicatatkan bagi item 19 iaitu "Guru suka melakukan pembaharuan terhadap susun atur perabot di bilik darjah antaranya seperti kerusi dan meja bagi mewujudkan suasana Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21)." Dapatan ini menjelaskan bahawa guru turut mempunyai pengetahuan pedagogi yang baik khususnya berkaitan cara yang tepat untuk memberi kefahaman yang baik kepada murid terhadap isi kandungan MPEI Perniagaan yang dipelajari. Namun guru dilihat masih tidak mampu mempraktikkan sepenuhnya PAK-21 bagi menarik minat murid belajar.

Soalan Kajian 2: Mengenal pasti tahap pencapaian prestasi subjek Perniagaan murid di sekolah menengah

Jadual 9 menunjukkan dapatan bagi pencapaian prestasi subjek MPEI Perniagaan yang telah dipecahkan mengikut peringkat kognitif, afektif dan psikomotor. Peringkat afektif merekodkan peratusan paling tinggi dengan 53.73% (skor 70 hingga 100). Ini membuktikan bahawa item bagi peringkat afektif berada pada tahap yang cemerlang. Item bagi peringkat kognitif dan psikomotor hanya berada pada tahap kepujian dengan catatan 42.86% (skor 50 hingga 69) dan 34.47% (skor 50 hingga 69) masing-masing. Sementara peratusan paling rendah dicatat oleh semua item bagi setiap peringkat berada pada tahap gagal (kognitif=14.60%, afektif=9.63% dan psikomotor=16.15%). Ini menunjukkan bahawa responden di tahap gagal (skor 0 hingga 39) berada dalam kelompok minoriti sahaja. Justeru, dapat dirumuskan bahawa murid mempunyai kelebihan dari segi kefahaman yang lebih baik dalam menjawab item peringkat afektif berbanding kognitif dan psikomotor.

Jadual 9: Kekerapan dan Peratusan Pencapaian Prestasi MPEI Perniagaan mengikut Peringkat Kognitif, Afektif dan Psikomotor (n=322)

Skor	Tahap	Kognitif		Afektif		Psikomotor	
		n	%	n	%	n	%
70 hingga 100	Cemerlang	6	19.4	173	53.73	102	31.68
50 hingga 69	Kepujian	1	42.86	76	23.57	111	34.47
40 hingga 49	Lulus	7	22.22	42	13.07	57	17.70
0 hingga 39	Gagal	2	14.60	31	9.63	52	16.15

V. PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara keseluruhan mendapati bahawa persepsi responden terhadap tahap pengetahuan guru berada pada tahap yang tinggi. Kesemua aspek pengetahuan isi kandungan yang dikaji menunjukkan skor yang sangat tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa guru MPEI Perniagaan mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan bidang Perniagaan dengan catatan min 4.52. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Khairunnisa & Ahmad (2016) [33] yang mendapati bahawa tahap pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi guru sejarah adalah tinggi namun bertentangan dengan dapatan kajian Muhammad Hafizan dan Anuar (2017) [44] yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan isi kandungan guru sejarah berada pada tahap sederhana. Guru yang memiliki pengetahuan yang luas berkaitan

bidang yang diajar akan lebih mudah mengajarkan ilmu tersebut kepada individu lain. Kenyataan ini disokong oleh Shulman (1987) [58] yang menjelaskan bahawa guru yang memiliki pengetahuan tentang sesuatu yang dipelajari akan lebih mudah menyampaikannya kepada murid. Murid akan lebih mudah memahami apa yang diajar oleh guru. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian Nelson (2016) [45] yang melaporkan bahawa guru yang professional perlu memiliki sumber pengetahuan dan kefahaman yang baik untuk diaplikasi dalam proses pengajaran berkaitan subjek yang diajar. Kajian Kugan et al. (2021) [35] pula menyatakan bahawa pengetahuan yang dimiliki oleh guru akan mempengaruhi kebolehan guru dalam proses p&p. Ini kerana guru yang berpengetahuan tinggi mampu menghasilkan sesi p&p yang lancar dan berkesan malah turut memberi kefahaman kepada murid. Kajian lepas turut melaporkan bahawa pengetahuan kandungan guru mempengaruhi prestasi murid dalam matematik (Odamusu et al., 2018) [52]. Dapatan kajian ini turut menyokong model kompetensi *iceberg* yang menyatakan bahawa pengetahuan guru mudah dilihat dan dikenal pasti serta boleh diperolehi dengan menghadiri kursus yang berkaitan (Fathizaki & Norasmah, 2021) [20].

Dapatan kajian bagi pencapaian prestasi pula menunjukkan murid mencapai skor cemerlang menerusi item afektif berbanding kognitif dan psikomotor. Perkara ini membuktikan bahawa murid memiliki minat yang mendalam terhadap subjek Perniagaan. Keadaan afektif merujuk kepada perasaan dan emosi murid yang mampu menimbulkan keseronokan murid belajar di sekolah (Hanita & Norzaini 2018) [24]. Emosi adalah reaksi terhadap seseorang atau peristiwa serta dikaitkan dengan kecenderungan tingkah laku manakala perasaan adalah sensasi sentuhan fizikal melalui pengalaman atau persepsi (Wikipedia, 2022). Emosi murid berperanan dengan menimbulkan rasa gembira sepanjang sesi p&p subjek berlangsung. Namun, bagi item kognitif dan psikomotor murid hanya mencapai skor ditahap kepujian. Ini membuktikan bahawa penguasaan murid dalam subjek Perniagaan masih tidak seimbang dalam ketiga-tiga peringkat iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nurul Hidayah dan Norasmah (2021) [51] serta kajian Wan Suhaidashima et al. (2019) [61] menyokong dapatan tersebut dengan membuktikan bahawa pencapaian subjek Perniagaan masih berada di tahap sederhana tinggi. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian Corbi et al. (2020) [17] yang menyatakan bahawa keseimbangan kognitif, afektif dan psikomotor adalah penting bagi seorang murid dalam mencapai prestasi yang baik dalam subjek yang dipelajari.

Pencapaian kognitif murid amat sesuai dikaitkan dengan penguasaan enam aras pemikiran (kognitif). Dapatan kajian menunjukkan murid hanya mampu mencapai tahap kepujian pada peringkat ini. Ini jelas membuktikan bahawa murid hanya berjaya menguasai tiga aras pemikiran yang rendah sahaja iaitu mengingat, memahami dan mengaplikasi. Pemikiran aras tinggi seperti menganalisis, menilai dan mencipta masih belum dapat dikuasai murid. Kenyataan ini selari dengan kajian Noorul Jannah et al. (2019) [47] yang membuktikan bahawa murid masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran pembelajaran Abad ke-21 yang lebih cenderung dapat meningkatkan tahap pemikiran dan tingkah laku murid untuk lebih berpengetahuan, kemahiran serta mampu menilai dalam melaksanakan penaaakulan dan refleksi (KPM, 2014) [30].

Aspek psikomotor pula menunjukkan bahawa murid masih tidak mampu menggerakkan tingkah laku mereka dengan tindakan sewajarnya dalam menyelesaikan isu serta masalah yang dihadapi. Mereka lebih suka bergantung kepada teori semata-mata. Subjek Perniagaan dilihat memerlukan pendedahan kepada pengalaman dan situasi sebenar kepada murid (psikomotor) agar minda keusahawanan mereka dapat diasah dan keyakinan diri mereka dapat ditingkatkan. Perkara ini dibuktikan dalam kajian Wan Mohd Zaifirun et al. (2020) [62] serta Esmalaily et al. (2019) [19]. Maklum balas yang diberikan oleh murid amat penting kerana mempengaruhi pencapaian prestasi yang lebih cemerlang seperti yang dinyatakan dalam kajian Ahmad Fauzi et al. (2018) [3].

Dapatan kajian membuktikan bahawa tahap pengetahuan guru dan prestasi pencapaian murid dilihat tidak signifikan. Hal ini demikian kerana walaupun guru MPEI Perniagaan mempunyai tahap pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi yang tinggi, namun isu berkaitan pencapaian prestasi murid masih belum mampu diselesaikan. Ini menunjukkan bahawa pencapaian prestasi murid tidak hanya bergantung kepada tahap pengetahuan guru semata-mata malah turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti sikap murid, latar belakang keluarga dan minat (Subramaniam, 2020) [36].

Seterusnya, walaupun murid dilihat menunjukkan minat melalui respon yang diberikan sewaktu p&p di bilik darjah, namun mereka masih tidak mampu mencapai tiga aras pemikiran yang tinggi terhadap pencapaian psikomotor murid. Aras pemikiran murid yang terhad menyebabkan mereka tidak mampu menterjemahkannya kepada tingkah laku (psikomotor) walaupun mereka memiliki emosi yang positif dalam proses pembelajaran (afektif). Ini terbukti bahawasanya murid yang cemerlang dalam pencapaian prestasi belum tentu dapat menguasai

sesuatu kemahiran yang dipelajari (Noorul Jannah et al., 2019) [47].

Justeru, untuk membangunkan tahap pemikiran murid ke aras yang lebih tinggi maka guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran PAK-21 dan KBAT. Guru perlu mempraktikkan pengetahuan serta kemahiran tersebut dalam sesi p&p mereka di bilik darjah agar murid dapat menguasai kemahiran tersebut dengan baik. Guru juga perlu berusaha memastikan kepelbagaian pedagogi dipraktikkan oleh guru di samping mereka juga perlu peka terhadap susun atur bilik darjah memenuhi PAK-21 bagi menarik minat murid untuk belajar dalam suasana yang seronok dan selesa. Guru-guru MPEI Perniagaan juga perlu mempelbagaikan sumber maklumat berunsurkan teknologi seperti laman sesawang dan saluran *Youtube* agar selari dengan keperluan murid masa kini.

Subjek Perniagaan penting dalam usaha melahirkan bakal usahawan pada masa hadapan (Chitra et. al, 2022) [54]. Justeru, kajian ini sangat penting dalam usaha menambah baik serta mempertingkatkan lagi kandungan kurikulum agar standard yang ditawarkan merangkumi kesemua aspek yang diperlukan oleh murid agar mereka mampu bersaing di peringkat global. Selain itu, guru merupakan tonggak utama dalam menerajui sesi p&p di bilik darjah. Antaranya guru perlu menguasai sepenuhnya DSKP subjek Perniagaan serta mengetahui kaedah yang betul untuk mengajarkannya kepada murid. Sesi p&p yang berkesan dapat menarik minat murid terhadap subjek Perniagaan (Nurul Hidayah & Norasmah 2022) [51].

Perkara ini bagi memastikan murid dapat mencapai prestasi cemerlang dalam ketiga-tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Seterusnya, guru juga perlu bijak menyesuaikan sesi p&p dengan tahap kebolehan murid bagi mengelakkan murid tertekan dengan situasi yang tidak setara dengan tahap keupayaan mereka. Subjek Perniagaan merupakan subjek elektif yang bersifat global dalam dunia pendidikan moden yang memerlukan kajian yang lebih luas dan terperinci pada masa akan datang. Ini memandangkan kajian ini mempunyai limitasi dari pelbagai sudut antaranya seperti indikator dan konstruk yang digunakan. Lantaran, pengkaji mencadangkan kajian akan datang dilakukan menggunakan indikator berbeza iaitu melibatkan elemen kemahiran dan sikap guru MPEI Perniagaan. Kajian yang dilakukan merangkumi kemahiran KBAT dan PAK-21.

VI. KESIMPULAN

Dapatan kajian keseluruhannya menunjukkan tahap pengetahuan guru MPEI Perniagaan di sembilan buah sekolah menengah terpilih di daerah Kinta Utara, Perak berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, masih terdapat aspek dalam konstruk pengetahuan pedagogi berada di tahap sederhana. Justeru, guru-guru MPEI Perniagaan perlu meningkatkan lagi usaha mereka bagi memantapkan lagi tahap profesionalisme dengan berfikir lebih terbuka dan kreatif khususnya dalam pelaksanaan sesi p&p di bilik darjah. Ini demi memastikan pencapaian prestasi murid dalam MPEI Perniagaan dapat ditingkatkan. Guru juga perlu melakukan penambahbaikan terhadap diri dari semasa ke semasa supaya matlamat pendidikan Perniagaan dapat dicapai sepertimana yang termaktub dalam DSKP MPEI Perniagaan.

RUJUKAN



- [1] Abdullah, M. F. N. L., & Wei, L. T. (2017). Validity and Reliability Form One Geometry Learning Self -Assessment Instrument. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211– 265.
- [2] Agus Dudung. (2018). Penilaian Psikomotor. Depok: KARIMA.
- [3] Ahmad Fauzi Mohd Ayu, Aida Suraya Md Yunus & Rosnaini. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan Sokongan Keluarga Terhadap Keterlibatan Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 8(1):1-12.
- [4] Ahmad Rosli Mohd Nor, Sahalani Basar & Zuraidi Md Tahir. (2017). Meneroka Faktor Kritikal Kejayaan Lulusan Kolej Komuniti Melaka yang Berpendapatan Tinggi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 39-54.
- [5] Aini Haziah Amirullah, & Zanaton H Iksan. (2018). Lesson Study: An Approach to Increase the Competency of Out-of-Field Mathematics Teacher in Building the Students Conceptual Understanding in Learning Mathematics. *Journal or Educational Sciences*, 2(2), 1–13.
- [6] Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang Peng Kee. (2021). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Batas Etnik di Sekolah Kebangsaan Zon Utara Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 253-269.
- [7] Ayu Siti Aminah Husin. (2020). Kajian Kes Indeks Kesukaran dan Diskriminasi Item Ujian Sumatif Bahasa Inggeris (Pemahaman) Tahun 5. *Sains Humanika*, 12, 57-66.
- [8] Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Perniagaan Tingkatan 4 KSSM*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [9] Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- [10] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2020). *Laporan Kebangsaan TIMSS 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [11] Bernard, T. B., Suppiah, N. & Maslinda Pungut. (2021). Analisis Kesiediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Pengajaran & Pemudahcaraan Abad ke-21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 100-119.
- [12] Bhutali, P.B. & Bamagond, A.V. A Study on Academic Secondary School Student Achievement of Residential and Non Residential Secondary School Students in Relation to Locality (2020). *International Research Journal on Advanced Science Hub* 2(12): 73-77.
- [13] Bloom, B. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives. Book 1: Cognitive domain*. London: Longman Group Ltd.
- [14] Catherine Masingan & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhuusan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (6), 64-71.
- [15] Chai, W. L., Siew, N.M. & Lee, B.N. (2021). Kemahiran Proses Sais Tahap Empat: Satu Instrumen untuk Pelajar Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (3), 30-40.
- [16] Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. Sixth Edition. Routledge. New York.
- [17] Corbi, R. G., Rico, T. P., Castejon, J.L., Sanchez, T., Palis, I. S. & Vidal, J. (2020) Academic Achievement and Failure in University Studies: Motivational and Emotional Factors. *Sustainability* 12: 1-14.
- [18] Ting, D. J. C. & Shahlan Surat. (2021). Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar, Bangi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (12), 137-157.
- [19] Esmalaily Muhamad Akhsan & Norasmah Othman. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 305-317.

- [20] Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah, Bangi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (1), 194-205. <https://doi.org/10.1007/s11165-016-9567-1>
- [21] Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Nazirah Hassan. (2020). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [22] Filgona, J., Sakiyo, J., & Gwany, G. M. (2020). Teachers' Pedagogical Content Knowledge and Students' Academic Achievement: A Theoretical Overview. *Journal of Global Research in Education and Social Science*, 14(2), 14-44.
- [23] Foong, Y. S., (2018). *Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- [24] Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman., (2018). Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 15(2): 257-287.
- [25] Hazram Ismail & Nurulain Nabilah Hamzu. (2020). Pengintegrasian KBAT dalam pengajaran Matematik semasa praktikum dalam kalangan bakal guru sekolah rendah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 19 (1), 80 – 89.
- [26] Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1), 56-65.
- [27] Hay/McBer. (1996). *Scaled Competency Dictionary*. Boston: Hay/McBer
- [28] Hien, P. V. (2018). Public Investment in Education and Training in Vietnam. *International Education Studies*, 11(7) 106-115.
- [29] Kam, K., Chan, H., Hin, B., & Yung, W. (2018). Developing Pedagogical Content Knowledge for Teaching a New Topic: More Than Teaching Experience and Subject Matter Knowledge. *Res Sci Educ*, 48,233–265.
- [30] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Putrajaya.
- [31] Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2019). *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya.
- [32] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2015*. Putrajaya.
- [33] Khairunnisa Abd Hamid dan Anuar Ahmad. (2016). Tahap pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) bagi guru dalam mata Sejarah di sekolah menengah. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- [34] Kline, R. B. (2011). *Methodology in the Social Sciences*. Principles and practice of structural equation modeling (3rd ed.). Guilford Pres.
- [35] Kola, A. J., & Sunday, O. S. (2015). A Review of Teacher Self-Efficacy, Pedagogical Content Knowledge (PCK) and A Review of Teacher Self-Efficacy, Pedagogical Content Knowledge (PCK) and Out-of-Field Teaching: Focussing on Nigerian Teachers. *International Journal of Elementary Education*, 4(3), 80–85. <https://doi.org/10.11648/j.ijeedu.20150403.15>
- [36] Kolandan, S., Raman, A., Fahainis Mohd Yusof (2020). Measuring the Competency of Teachers in Business Studies towards Students' Academic Achievement. *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3475-3483.
- [37] Lang, Y. Y., & Rohana Hamzah (2012). Intergrasi peranan falsafah pendidikan kebangsaan dalam pendidikan teknik dan vokasional ke arah memantapkan persiapan kerjaya. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 5, 35-40.
- [38] Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Mus'ab. (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 131-140.

- [39] Mahendran, K., Adenan, N. H., Abd Karim, N. S., Adawiyah, R., & Md Junus, N. W. (2021). Analisis Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PCK) Guru Pelatih Matematik: Analysis Pedagogical Content Knowledge (PCK) Level of The Mathematic Trainee Teachers. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 72–81.
- [40] Mazarul Hassan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. (2020). Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*: Vol 2: 9-17.
- [41] Mechellino Enggol Anak Pius, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Ahamad Zamri Mansor. (2021). Keberkesanan pembelajaran interaktif dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi pelajar bagi mempelajari puisi tradisional Bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 416-427.
- [42] Mazarul Hassan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. (2020). Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*: Vol 2: 9-17.
- [43] Mohammad Zhafri Zainal Abidin. 2018. Hubungan Antara Motivasi dan Sikap dengan Pencapaian Subjek Reka Bentuk dan Teknologi dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Daerah Hulu Perak. [Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- [44] Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. 2017. Pengetahuan Isi Kandungan dan Hubungannya dengan Aplikasi Pengajaran Sejarah yang Berkesan. International Conference on Global Education. Padang, Indonesia, 10-11 April.
- [45] Nelson Jingga. (2016). Kompetensi Guru Terhadap Pencapaian Muirid dalam Mata Pelajaran Sejarah. [Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- [46] Nirmala Bayuningtas, Yoyon Arif Martino & Marinda Firmansyah. (2021). Analisis, Faktor Regulasi Belajar Mandiri Terkait dengan Pengaruh Keluarga, Teman Sebaya, dan Staff Pengajar Terhadap Prestasi Akademik. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3): 203-214.
- [47] Noorul Jannah Azaman & Nor Aishah Buang. (2019). Tahap Kemahiran Abad ke-21 Pelajar dalam Mata Pelajaran Perniagaan berdasarkan Lokasi Sekolah dan Jantina. *International Conference on Global Education VII Humanising Technology for IR 4.0*, 846-853.
- [48] Nur Adila Diyana & Shahlan Surat. (2021). Kecenderungan Berfikir Kritis dan Pencapaian Kesusasteraan Bahasa Inggeris Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Daerah Kepala Batas, Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (3), 203-214.
- [49] Nur Aeni & Supadi. (2020). The Effects of Students' Perception on Teacher Performance and Learning Motivation Towards Students' Achievement. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 146-152.
- [50] Nur Asmaliza Mohd Noor, Noraida Mohd Saim, Rohaya Alias & Siti Hawa Rosli. (2020). Students' Performance on Cognitive, Psychomotor and Affective Domain in the Course Outcome for Embedded Course. *Journal of English Language Teaching*, 3(2), 3469-3474.
- [51] Nurul Hidayah Omar & Norasmah Othman. (2021). Sikap Keusahawanan dan Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 252-264.
- [52] Odumosu, M. O., Olisama, O. V. and Areelu, Fisayo (2018). Teachers' Content and Pedagogical Knowledge on Students' Achievement in Algebra. *International Journal of Education and Research*, 6(3), 31-43.
- [53] Radzi, N. M., & Muzammil, N. F. (2018). Tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah kebangsaan daerah Sepang, Selangor. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 12-28.
- [54] Raja Krishnan. C. D, Radin Siti Aishah Radin A. Rahman & Norasmah Othman. (2022). Keberkesanan Modul Komik Mata Pelajaran Perniagaan Tingkatan 4. *Akademika*, 92 (Isu Khas), 163-178.
- [55] Raja Yong Zahirah Raja Badaruddin, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Penggunaan Tema “Kemakmuran

- Negara Kita” dan Pengetahuan Tentang Konsep Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 255-266.
- [56] Rosnani Sidik. 2021. Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah. [Tesis Sarjana, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- [57] Syarif Makmur & Heri Saksano. 2021. The Main Cause of Poor Quality of Education Services in Rural Areas: Teachers and Village Heads. Proceeding of the 1st International Conference on Low, Social Science, Economics and Education. Jakarta, Indonesia, 6 March.
- [58] Shulman, L. S. (1987). *Knowledge And Teaching: Foundations of The New Reform*. Harvard Educational Review, 57 (1): 1-22.
- [59] Toresingam, T. T., Norasmah Othman & Radin Siti Aishah. (2019). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Asas Perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 46-56.
- [60] Unit Perancang Ekonomi. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- [61] Wan Suhaidashima Wan Jaafar, Radin Siti Aishah Radin A. Rahman & Norasmah Othman. (2019). Hubungan Pengetahuan dan Minat dengan Pencapaian Mata Pelajaran Perniagaan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Daerah Setiu, Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(15), 12-20.
- [62] Wan Mohd Zaifirun Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-faktor Penentu Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Akademika* 89(2): 3-15.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama: Razemah binti Kamaruddin</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia E-mail: hamezarazali@gmail.com</p>
<p>Penulis Kedua: Prof. Dr. Norasmah bt Othman</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia E-mail: lin@ukm.edu.my</p>